

Gaya Pembelajaran Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tahun Tiga UTM Skudai, Johor.

Ahmad Johari Bin Sihes & Hanisah Binti Abdullah

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar Tahun Tiga di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Gaya pembelajaran yang dikaji adalah Gaya Pembelajaran Kolb iaitu Akomodator, Diverger, Konverger dan Asimilator. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah gaya pembelajaran pelajar berasaskan Gaya Pembelajaran Kolb. Sementara pembolehubah bebas yang dikenalpasti adalah kaum, jantina dan fakulti. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang melibatkan 178 orang responden dari Fakulti Pendidikan, Fakulti Sains dan Fakulti Kejuruteraan Awam. Rekabentuk kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif melibatkan kajian kolerasi iaitu melihat hubungan antara satu faktor dengan faktor yang lain menggunakan ujian statistik kolerasi. Data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Packages for Social Sciences) Version 13.0 for Windows bagi mendapatkan jumlah peratus dan kekerapan. Kajian rintis telah dijalankan dan didapati nilai Cronbach-Alpha adalah .836. Hasil kajian mendapati pola gaya pembelajaran Diverger (57.9%) adalah paling dominan diamalkan oleh responden dan diikuti oleh pola gaya pembelajaran Asimilator (25.3%), pola gaya Akomodator (8.4%) dan pola gaya pembelajaran Konverger (8.4%). Hasil kajian juga mendapati gaya pembelajaran tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik. Ia juga menunjukkan gaya pembelajaran tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dengan jantina, kaum dan fakulti.

Katakunci : gaya pembelajaran, pencapaian akademik

Pengenalan

Pendidikan adalah suatu proses perkembangan serta bersepadu. Ia merupakan suatu proses transmisi secara formal dan tidak formal ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang berlaku antara satu generasi kepada generasi yang lain ataupun dalam generasi yang sama. Institusi pendidikan tinggi adalah struktur sosial yang berperanan sebagai tempat transmisi ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai berkenaan. Dalam kehidupan moden ini, pendidikan adalah penting bagi menyediakan ahli-ahli masyarakat untuk menghadapi cabaran kehidupan dan pembaharuan serta membuat pengubahsuaian demi memberikan sumbangan untuk pembangunan masyarakat itu. Sejak kelahiran, kita sentiasa mengalami proses pembelajaran dari semasa ke semasa, samada secara formal atau tidak formal. Proses pembelajaran merupakan proses yang penting dalam kehidupan kita khasnya dalam bidang pendidikan.

Pembelajaran hanya boleh bermula apabila wujudnya tindak balas terhadap sesuatu rangsangan yang ada. Proses pembelajaran akan diteruskan jika terdapat motivasi yang sesuai, iaitu suatu penggerak yang dapat mendorongnya berusaha memikirkan erti rangsangan itu. Proses pembelajaran ini akan berakhir apabila perubahan tingkah laku dapat dibentuk dan dikekalkan. Mengikut kajian tokoh-tokoh mazhab kognitif, pembelajaran hanya boleh berlaku jika pelajar mempunyai cukup pengalaman yang berkaitan untuk mempelajari pengalaman baru, di samping mempunyai motif serta rela mengambil inisiatif diri sendiri untuk menjalankan aktiviti pembelajaran.

Adalah diketahui umum bahawa setiap individu mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri dan juga bakat dan potensi yang berbeza di dalam proses pembelajaran. Malangnya, pelajar hari ini menghadapi masalah dalam pembelajaran. Ini kerana, pelajar tidak mempunyai pengetahuan dari segi teknik, strategi, cara, kaedah dan gaya belajar. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh setiap pelajar adalah tidak sama antara satu dengan yang lain. Ini kerana tahap penerimaan dan kecerdasan mereka adalah berbeza. Misalnya ada yang suka belajar dengan diri sendiri, ada yang suka belajar dengan rakan karib atau secara berkumpulan, ada yang suka belajar melalui syarahan atau perbincangan, ada yang suka belajar melalui pemerhatian, kajian atau rujukan bahan dan pelbagai gaya belajar beraneka ragam yang lain. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka.

Pernyataan Masalah

Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah menjelaskan hasrat pendidikan di Malaysia dalam mementingkan perkembangan potensi individu secara optimum dan menyeluruh. Walau bagaimanapun masalah yang timbul ialah setiap pelajar menunjukkan perbezaan individu yang amat nyata. Ketidakkampuan pelajar memperlihatkan prestasi yang cemerlang dalam tugas kerja kursus secara proses, keputusan peperiksaan dan interaksi semasa kuliah menggambarkan terdapatnya kelemahan dalam proses pemindahan pembelajaran pada pelajar. Kelemahan ini mungkin ada kaitan dengan kegagalan pelajar mengambil kira perbezaan-perbezaan dalam gaya pembelajaran mereka.

Para pelajar perlu mengetahui kekuatan dan kelemahan diri justeru berupaya mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran. Para pelajar hendaklah berusaha mencungkil serta mengilap kekuatan yang ada pada diri selain berusaha memperbaiki kelemahan yang dikesan. Melalui kajian ini, penyelidik ingin mengenal pasti hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik di kalangan pelajar Tahun Tiga Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti gaya pembelajaran di kalangan pelajar Tahun Tiga bagi Fakulti Pendidikan, Fakulti Sains dan Fakulti Kejuruteraan Awam di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar iaitu:

1. Mengetahui pola gaya pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar Tahun Tiga di UTM berdasarkan model Gaya Pembelajaran Kolb.
2. Mengetahui prestasi pencapaian akademik pelajar-pelajar Tahun Tiga di UTM.
3. Menentukan hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar.
4. Menentukan perbezaan pola gaya pembelajaran di kalangan pelajar Tahun Tiga UTM mengikut jantina, fakulti dan kaum.

Kepentingan kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pola gaya pembelajaran di kalangan pelajar dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar tahun tiga UTM Skudai, Johor. Hasil daripada kajian ini diharap akan dapat menjadi garis panduan kepada pelajar, pensyarah, dan juga institusi pendidikan.

Pelajar

- Dapat membantu pelajar mempelajari cara pembelajaran yang berkesan.
- Dapat memberi panduan kepada pelajar dalam menentukan strategi atau teknik pembelajaran yang bersesuaian.

- Pelajar dapat mengenal pasti gaya pembelajaran diri sendiri dan cuba memperbaiki kelemahan diri supaya dapat mengembangkan potensi diri.

Pensyarah

- Dengan mengetahui gaya pembelajaran, pensyarah dapat menyesuaikan gaya pembelajaran tersebut dengan pelajaran yang akan diajar samada teori ataupun amali.

Institusi Pendidikan

- Boleh digunakan sebagai panduan dan kayu ukur yang berguna setelah gaya pembelajaran pelajar dikenal pasti, maka tindakan susulan boleh dijalankan dengan lebih bermakna.
- Pihak institusi dapat merancang atau memperkenalkan pelbagai kaedah yang sesuai dalam menyampaikan isi pelajaran semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kajian yang berbentuk deskriptif (tinjauan). Mohd Majid (1993), menyatakan bahawa kajian deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk mendapatkan maklumat yang sedang berlaku. Pengumpulan data secara deskriptif dalam kajian ini dilakukan dengan mengkaji mengenai latar belakang responden dan membincangkan hubungan gaya pembelajaran Kolb dengan prestasi akademik pelajar Tahun Tiga UTM. Ia juga melibatkan kajian kolerasi iaitu melihat hubungan antara satu faktor dengan faktor yang lain menggunakan ujian statistik kolerasi. Dalam kajian ini penyelidik melihat hubungan antara ciri-ciri gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar.

Dalam kajian ini, semua maklumat dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik di mana data-data yang didapati akan dianalisis secara deskriptif. Menurut Mohd Najib (1998), kebanyakan soal selidik sesuai digunakan untuk mengukur persepsi, nilai, motivasi, emosi, perasaan, pandangan serta nilai-nilai afektif yang lain. Soal selidik ditadbir oleh penyelidik sendiri untuk mendapatkan maklum balas dengan cepat dan lebih diyakini.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi yang terlibat dalam kajian ini ialah pelajar tahun tiga di UTM Skudai yang terdiri daripada tiga fakulti iaitu Fakulti Pendidikan, Fakulti Sains dan Fakulti Kejuruteraan Awam. Daripada data Perangkaan Jumlah Pelajar Tahun Tiga (2007) yang dikumpulkan dari ketiga-tiga fakulti yang terlibat, di dapati bahawa jumlah populasi sebenar ialah seramai 2581 orang.

Berdasarkan Jadual Krejcie, R.V and Morgan D.W.(1970), sampel kajian yang terlibat adalah 335 orang pelajar. Setelah ditolak jumlah bilangan pelajar yang terlibat di dalam kajian rintis, bilangan responden ialah 320 orang. Namun begitu, terdapat kekangan yang menimbulkan masalah semasa membuat soal selidik menyebabkan jumlah responden tidak mencapai tahap yang dikehendaki. Daripada jumlah keseluruhan, hanya 55.63% responden sahaja yang berjaya dikumpul dan ini menjadikan jumlah responden hanya seramai 178 orang pelajar. Bilangan pelajar mengikut fakulti dan kursus adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Sampel Responden Mengikut Kursus

Fakulti	Kursus	Bilangan
Pendidikan	SPH	27
	SPJ	27
Sains	SSA	33
	SSC	28
Kejuruteraan Awam	SAP	29
	SAW	34
Jumlah		178

Kaedah pensampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah pensampelan rawak iaitu pensampelan kelompok atas kelompok. Pada awalnya, penyelidik menyenaraikan ke semua fakulti yang terdapat di UTM dan kemudiannya membuat cabutan secara rawak dengan mengambil sampel gandaan tiga. Fakulti yang terpilih ialah Fakulti Pendidikan, Fakulti Sains dan Fakulti Kejuruteraan. Apabila tiga fakulti diperolehi, penyelidik menyenaraikan jenis kursus yang ditawarkan bagi setiap fakulti terlibat dan membuat cabutan dengan gandaan tiga daripada senarai. Setiap fakulti akan dicabut sebanyak dua kali untuk mendapatkan dua kursus sebagai sampel.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik. Penggunaan soal selidik amat sesuai digunakan bagi kajian berbentuk tinjauan. Ini kerana kaedah soal selidik lebih mudah mendapat kerjasama daripada responden. Mereka bebas memilih dan menyatakan pendapat, menilai mengikut kehendak soal selidik serta mengetahui apa yang difikirkan untuk menjawab. Di samping itu mereka tidak rasa malu untuk memberi jawapan kerana nama responden adalah rahsia dan tidak perlu ditulis di dalam borang soal selidik. Secara tidak langsung, bilangan responden yang banyak juga boleh meningkatkan kebolehpercayaan kajian.

Soal selidik yang digunakan adalah berdasarkan Inventori Gaya Pembelajaran Kolb (1976) yang telah diterjemahkan oleh Tee Tze Kiong (2003) dan diubahsuai oleh pengkaji. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Kajian Rintis

Bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik, satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 15 orang pelajar. Pelaksanaan kajian rintis ini bertujuan mengenalpasti ketepatan soal selidik sama ada ia boleh difahami oleh responden atau tidak serta untuk memperbaiki struktur olahan bahasa. Selain itu kajian rintis ini juga dijalankan untuk menguji semua kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik yang dipilih sebelum kajian sebenar dijalankan. Menurut Wiersma (1995), kajian rintis mampu memberi peluang kepada responden untuk memberi komen terhadap kekurangan, kekeliruan dan kekaburan bahasa instrumen.

Data yang diperolehi daripada kajian rintis dianalisis menggunakan perisian komputer *Statistical Package of Social Science (SPSS) for Windows Version 13.0*. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, di dapati bahawa kebolehpercayaan setiap item di dalam borang soal selidik adalah tinggi, di mana nilai alpha ialah 0.836. Alpha merupakan ketetapan dalaman dan

nilai maksimum untuk pekali kebolehpercayaan adalah 1, sekiranya nilai tersebut kurang dari 0.6 maka boleh dikatakan instrumen yang digunakan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah (Mohd Salleh dan Zaidatun, 2001).

Menurut George dan Mallery (2003) pula, nilai kebolehpercayaan melebihi 0.80 adalah baik dan boleh diterima pakai dalam kajian. Daripada nilai soal selidik kajian rintis yang telah dijalankan, jelaslah bahawa soal selidik ini adalah baik dan boleh digunakan.

Analisis Keseluruhan

Jadual 2 menunjukkan analisis keputusan bagi gaya belajar yang menjadi keutamaan pelajar-pelajar tahun tiga dalam proses pembelajaran mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya pembelajaran yang menjadi tumpuan para pelajar adalah gaya belajar diverger dengan peratus tertinggi iaitu sebanyak 57.9%. Ini diikuti pula dengan gaya pembelajaran asimilator dengan nilai 25.5%. Gaya pembelajaran akomodator dan gaya pembelajaran konverger berada pada kedudukan ketiga. Ini kerana peratus responden yang mengamalkan kedua-dua gaya ini mempunyai nilai yang sama iaitu gaya pembelajaran akomodator sebanyak 8.4% dan gaya pembelajaran konverger juga ialah 8.4%.

Jadual 2 Purata Keseluruhan Bagi Gaya Belajar Yang Menjadi Keutamaan Pelajar Tahun Tiga UTM Dalam Proses Pembelajaran

Bil.	Gaya Pembelajaran	Peratus (%)
1	Gaya pembelajaran akomodator yang diamalkan oleh pelajar tahun tiga UTM.	8.4
2	Gaya pembelajaran diverger yang diamalkan oleh pelajar tahun tiga UTM.	57.9
3	Gaya pembelajaran konverger yang diamalkan oleh pelajar tahun tiga UTM.	8.4
4	Gaya pembelajaran asimilator yang diamalkan oleh pelajar tahun tiga UTM.	25.5

Pencapaian akademik pelajar tahun tiga UTM adalah berada pada tahap baik (CPA 3.00 – 3.49) memandangkan majoriti responden iaitu seramai 96 orang (53.9%) mendapat CPA tersebut. Pelajar tahun tiga UTM boleh dikategorikan dalam pelajar yang pandai kerana tidak terdapat pelajar yang memperolehi CPA yang lemah (CPA < 2.00). Kategori pencapaian akademik cemerlang (CPA 3.5-4.00) berada pada kedudukan kedua iaitu 56 orang (31.5%). Manakala kategori pencapaian akademik sederhana (CPA 2.00-2.99) pula berada pada kedudukan ketiga dengan jumlah responden ialah 26 orang (14.6%).

Keseluruhannya, di dapati bahawa gaya pembelajaran tidak mempunyai perhubungan dengan pencapaian akademik pelajar. Selain itu, ia juga menunjukkan bahawa gaya pembelajaran tidak mempunyai perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina, kaum dan fakulti.

Perbincangan

Perbincangan hasil kajian ini adalah tertumpu kepada hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada analisis yang dibuat dalam Bab IV. Perbincangan akan berpandu dan menjurus kepada objektif dan persoalan kajian yang berkaitan dengan hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar tahun tiga UTM.

Hasil dari analisis data yang dilakukan, di dapati bahawa gaya pembelajaran yang menjadi keutamaan di kalangan pelajar-pelajar tahun tiga UTM adalah gaya pembelajaran

diverger. Ini diikuti oleh gaya asimilator pada kedudukan kedua manakala gaya konverger dan akomodator pula pada tempat ketiga dan keempat.

Gaya konverger adalah hampir sama dengan gaya asimilator dari segi membuat persepsi terhadap maklumat abstrak. Mereka menerima maklumat yang bersifat abstrak dan rumit dan memprosesnya dengan cara melakukan percubaan. Bagi pelajar jenis konverger, mereka unggul dalam menemukan fungsi praktis dari berbagai idea dan teori serta mempunyai kemampuan yang baik dalam pemecahan masalah dan membuat keputusan. Mereka juga lebih cenderung menyukai tugastugas teknik (aplikasi) daripada masalah sosial atau hubungan antara peribadi.

Gaya yang menjadi pilihan terakhir pelajar ialah gaya akomodator. Pelajar yang menggunakan gaya akomodator memiliki kemampuan belajar yang baik dari hasil pengalaman nyata yang dilakukannya sendiri. Namun begitu, mereka tidak mahir dalam membina teori dan idea. Mereka suka membuat rencana dan melibatkan diri dalam berbagai pengalaman baru.

UTM berhasrat untuk melahirkan pelajar yang berkualiti tinggi dari segi sahsiah dan juga pencapaian akademik. Pencapaian akademik yang cemerlang pastinya menjadi impian setiap pelajar. Kebanyakan pelajar di institusi pengajian tinggi pada hari ini memperolehi pencapaian akademik yang sederhana dan di bawah tahap yang sepatutnya. Ini terbukti dengan bilangan pelajar yang memperolehi kelas pertama dan kelas kedua tinggi adalah terhad berbanding bilangan pelajar yang memperolehi kelas kedua rendah dan kelas ketiga.

Menurut Zainap (1999) yang telah menjalankan kajian untuk mengetahui tahap pencapaian akademik pelajar UTM mendapati bahawa majoriti pelajar UTM hanya memperolehi pencapaian yang sederhana iaitu melebihi setengah daripada bilangan jumlah responden terlibat di mana 3.2 peratus responden memperolehi keputusan akademik yang cemerlang manakala 5.2 peratus responden memperolehi keputusan akademik yang lemah. Keputusan kajian Zainap agak berbeza dengan kajian ini kerana di dalam kajian ini tidak terdapat pelajar yang memperolehi keputusan akademik lemah.

Kesimpulannya, tahap pencapaian akademik pelajar tahun tiga UTM adalah baik dan memuaskan dengan majoriti responden memperolehi CPA 3.00 – 3.49. Hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar dianalisis berdasarkan beberapa gaya pembelajaran iaitu gaya belajar Akomodator, Diverger, Konverger dan Asimilator. Daripada analisis ke atas gaya belajar pelajar dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar, di dapati bahawa gaya konverger dan asimilator menunjukkan indeks korelasi yang negatif. Ini menggambarkan bahawa hubungan di antara gaya belajar dengan pencapaian akademik adalah songsang.

Pelajar juga mampu mengaitkan pengetahuan baru dengan pengetahuan yang sedia ada padanya dan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi. Dengan itu, pelajar dapat memperoleh pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai yang baru. Dengan pemerolehan perkara-perkara baru, tingkah laku seseorang individu itu juga akan turut berubah. Ini pastinya dapat merangsang minat pelajar untuk memperolehi keputusan yang cemerlang walaupun gaya belajar mereka berbeza. Oleh itu, hipotesis H1 diterima. Jelaslah bahawa gaya pembelajaran tidak mempunyai perhubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar.

Setelah melakukan analisis terhadap responden, di dapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran berdasarkan jantina. Dapatan kajian ini adalah sama dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Shareena (1995) yang meninjau gaya pembelajaran pelajar Melayu ESP (*English for Specific Purpose*). Hasil kajiannya menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara gaya pembelajaran responden dengan

jantina. Kajian oleh Cavanaugh (1981) juga menunjukkan dapatan yang sama yang mana aspek jantina tidak mempunyai hubungan dengan gaya pembelajaran responden.

Secara keseluruhannya, hipotesis H2 diterima dan di dapati persepsi antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap gaya pembelajaran tidaklah menunjukkan jurang perbezaan yang ketara. Mereka suka mengamalkan gaya pembelajaran diverger.

Rujukan

- Azizi Yahaya, et.al. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Borish (1997). *Educational Psychology: A Contemporary Approach*. New York: Harper Collins College Publisher.
- Dunn dan Dunn (1978). Teaching Students Through Their Individual Learning Styles: A Practical Approach. Dalam Mok Soon Sang (2004). *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI: Sekolah Menengah Semester 1 dan 2*. (Edisi Ketiga). (pp. 294). Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (2002). *Pedagogi III: Edisi Kedua (Semester III)*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- George, Darren dan Malerry, Paul (2003). *SPSS For Window Step By Step: A Simple Guide and Reference 11.0 Update.4th Ed.* (pp.231). United States of America. Pearson Education Inc.
- Healey, M. dan Jenkins A. (2000). *Learning Cycles and Learning Style: Kolb's Experiential Learning Theory and Its Application In Geography in Higher Education*. <http://www.chelf.ac.uk/el/philg/gdn/discuss/index>.
- Joseph Gomez (1999). *Gaya Pembelajaran: Satu Tinjauan Leterature*. Jurnal Pendidikan Tigaenf. Jilid 2: Bil.3. m.s 40-49.
- Kamus Dewan* (1995). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang (2006). *Nota Pengurusan Pengajaran-Pembelajaran*. Subang Jaya: Multimedia-ES Resources Sdn. Bhd.
- Naina Mohd b. Mb Noor, et.al.(1999). Stail Pengajaran Guru Dan Gaya Pembelajaran Murid. Jurnal Pendidikan Tigaenf. Jilid 2: Bil.3. m.s 50-57.
- Rio Sumarni dan Lee, M.F. (2001). *Pola Gaya Pembelajaran Pelajar Dan Pengajaran Guru Di Kalangan Pelajar Dan Guru Sekolah-sekolah Menengah akademik Daerah Johor Bahru – Satu Kajian Kes*. Kertas Kerja dibentangkan Dalam International Conference on Challenges and Prospects In teacher Education Pada 16 Julai 2001. Shah Alam: UiTM.
- Santrock, J. W. (2000). *Educational Psychology*. New York: McGraw Hill. Sareza Abdul Karim (2003). *Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat di Dua Buah Sekolah di Negeri Sembilan*. UTM: Tesis Ijazah Sarjana.
- Tee Tze Kiong (2003). *Hubungan Antara Pola Gaya Pembelajaran Kolb dan Pola Kepelbagaian Kecerdasan Gardner di Kalangan Pelajar Tahun Dua Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan STP (A/E/J) Dengan Pelajar Tahun Dua Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam/Elektrik/Mekanikal) di Universiti Teknologi Malaysia*. UTM: Tesis Ijazah Sarjana.
- Unit Pengajaran & Pembelajaran (1995). *Kajiselidik Pola Pembelajaran Pelajar UTM*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Zuraida Wan Hamid (2002). *Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik*. UTM: Tesis Ijazah Sarjana